Kata Berimbuhan Awalan

Tok Batin yang Dihormati

Saidin bin Bujang ialah tok batin. Beliau menjadi tok batin di sebuah kampung di negeri Selangor.

Beliau akan berjalan di sekitar kampung setiap hari. Beliau akan ____ bual-bual dengan penduduk kampung. Tok batin akan ____ cari jalan untuk menyelesaikan masalah di kampung itu.

Seterusnya, beliau memastikan penduduk kampung menghantar anak mereka ke sekolah. Jadi, penduduk di kampung itu ____ dapat pendidikan yang sempurna.

Jika anak buahnya sakit, tok batin akan pergi ke rumah mereka. Beliau akan ____ tanya tentang khabar mereka. Jadi, hubungan mereka sangat mesra.

Saidin suka akan tugasnya sebagai tok batin. Beliau ____ janji akan ____ bantu anak buahnya hingga berjaya.

Info Bahasa

Imbuhan awalan ialah imbuhan yang diletakkan pada awal perkataan. Contoh: *me-*, *mem-*, *men-*, *meng-*, *menge-* dan *ber-*.

Aktiviti

Menggunakan kata berimbuhan awalan mengikut konteks.

Nota Guru

- Bimbing murid mengenal pasti kata berimbuhan awalan berdasarkan bahan.

Strategi: KB – Mengecam
EMK: Nilai Murni – Semangat Patriotisme
Pembelajaran Kontekstual – Menghubungkaitkan

5.2.1 (iii)
BA2: 15–16

LIVEWORKSHEETS